

Wajah Terbuka dan Hidup Tertutup: Gender dan Seksualiti dalam Karya Sastera Melayu Riau Pinggir Abad ke 19

DING CHOO MING

ABSTRAK

Himpunan Gunawan Bagi Laki-Laki dan Perempuan adalah panduan tentang magik berahi. Ia ditujukan khas kepada kaum wanita, walaupun sasarannya adalah lelaki dan wanita seperti yang dinyatakan dalam judulnya. Teks ini ditulis Khatijah Terung, yang dipercayai telah lahir di Pulau Penyengat pada 1885. Walaupun asal usulnya tidak diketahui, tetapi beliau berkemungkinan besar adalah orang biasa. Beliau berkahwin dengan Raja Haji Abdullah bin Raja Hassan, sebagai isterinya yang keempat, bermula daripada kekaguman Raja Haji Abdullah tentang reputasi Khatijah Terung sebagai bomoh yang mahir yang pernah menjadi orang gaji di rumah isteri Raja Haji Abdullah yang ketiga, Cik Yam. Khatijah Terung tidak menceritakan bagaimana beliau mempelajari ilmunya, selain mengakui pernah mendapatnya daripada Wan Mah. Namun demikian, karya beliau meninggalkan kesan keindividualannya. Beliau memuja nilai kebahagiaan suami isteri kepada wanita. Sebanyak 4/5 teks ini menceritakan cara-cara untuk meningkatkan hubungan kelamin dalam perkahwinan.

Kata kunci: Kelab Rusydiah, Khatijah Terung, Raja Aisyah Sulaiman, Raja Haji Abdullah bin Raja Hassan, Pulau Penyengat

ABSTRACT

Himpunan Gunawan Bagi Laki-Laki dan Perempuan is a manual of love magic. It is almost exclusively for women's use, despite its title that it is addressed to men and women. Written by Khatijah Terung, who is believed to have been born on Pulau Penyengat in 1885. She was most likely a commoner, though her true origins were unknown. She married Raja Haji Abdullah bin Raja Hassan to be his fourth wife. It is said that his curiosity about Khatijah's reputation as an adept in magic that attracted him to her when she was in the service of his third wife, Cik Yam. She tells us nothing of how she learned her art, apart from a brief acknowledgement that one spell was given to her by a Wan Mah. Nevertheless, her work bears the stamp of her individuality. She celebrates the value of good conjugal relations to women. Four fifths of the book are devoted to means to enhance sexual relations within marriage.

Key words: Kelab Rusydiah, Khatijah Terung, Raja Aisyah Sulaiman, Raja

Haji Abdullah bin Raja Hassan, Pulau Penyengat

PENGANTAR

Perbezaan gender antara wanita dan laki-laki bukan sahaja daripada segi anatomi, biologi dan fisiologi, tetapi juga budaya, politik dan ekonomi. Hubungan gender yang ditentukan secara hirarki turun temurun itu mempunyai pengaruh besar ke atas kesemua aspek kehidupan sosial manusia, termasuk pemikiran yang berbeza antara dan juga terhadap wanita dan laki-laki, maka telah mewujudkan satu siri binarisme, seperti “*active/ passive, presence/ absence, universal/ particular*” (Pollock 1996). Walaupun dapat dikatakan wanita mempunyai kedudukan yang lebih rendah berbanding dengan laki-laki dalam masyarakat feudal, tetapi gender dan sektualiti bukanlah pantang (taboo) dalam karya sastera Melayu, Jepun, India, Burma, Thailand, lebih-lebih lagi Eropah dan Amerika Syarikat. Kedua-dua perkara itu telah banyak disentuh dalam sastera Melayu lama. Antaranya *Hikayat Sultan Ibrahim ibn Adham, Hikayat Maharaja Ali, Syair Bidasari, Hikayat Bayan Budiman, Hikayat Raja Jumjumah, Tajul-Salatin, Bustan ul-Salatin, Sejarah Melayu, Hikayat Raja-Raja Pasai, Hikayat Derma Ta’ia* dan juga *Hikayat Abu Samah*. Selain itu, karya-karya sastera baru seperti *Hikayat Faridah Hanum, Salah Asuhan, Siti Nurbaya, Belenggu, Azab dan Sengsara, Bilik 69* dan *Rumah itu Dunia Ku*, misalnya, turut mengungkapkan kedua-dua persoalan tersebut. Dalam sastera Jepun, karya Murasaki Shikibu yang bertajuk *The Tale of Genji* juga mengisahkan perasaan cinta wanita pada era Heian pada abad ke 8-11 Masihi. Ketika itu, wanita Jepun juga tidak mempunyai kehidupan sosial. Seperti wanita di Eropah dan Melayu, mereka terkurung dengan kuasa yang dipunyai laki-laki berdasarkan kedudukan, jawatan dan adat resam.

Sehubungan itu, dapat dikatakan juga bahawa kajian gender dan sektualiti adalah kajian silang-budaya dan antara-disiplin. Sebab ia menjadi kajian silang-budaya ialah ia diperkatakan dalam sastera semua bangsa. Sebagai kajian antara-disiplin, ia melibatkan teori kritikal, psikoanalisis, Marxisme, Foucalisme dan strukturalisme, antara yang lain. Selain itu, ia juga lahir dan berkembang daripada teori feminis yang mengatakan gender adalah istilah relasional untuk meliputi wanita dan laki-laki. Memandangkan seksualiti adalah kelakuan manusia yang ditentukan gender dan kelakuan itu pula telah dan akan menentukan bentuk komunikasi yang tertentu antara wanita dan laki-laki, maka banyak universiti telah menawarkan kursus kajian gender dan seksualiti. Pada asasnya, kajian itu memberi perhatian dalam menganalisis teks yang berasaskan jantina, kerana ingin mengkaji perkembangan estetika wanita yang teristimewa dalam karya yang dikarang wanita atau juga perwakilan wanita dalam teks yang dikarang laki-laki. Perhatian diberi kepada yang dianggap yang unggul berhubung dengan sifat kelakian (masculinity) dan sifat kewanitaan (femininity), pada sekitar imej wanita stereotaip, seksualiti, perkahwinan, kehidupan rumah tangga, diskrimi-

nasi seks, perjuangan wanita mendapatkan hak dan kebebasan. Kajian itu juga berkembang daripada penglibatan manusia untuk mendapatkan keadilan sosial untuk wanita untuk selanjutnya membentuk pemahaman yang lebih baik tentang diri kita, dunia, kehidupan, pengetahuan dan juga kesenian.

Dalam masyarakat feodal, wanita dianggap subodinat kepada laki-laki. Peranan dan kedudukan mereka ditentukan masyarakat, agama dan adat yang dikuasai laki-laki. Mereka tidak boleh membuat kerja yang tidak dilakukan wanita yang lain secara turun-temurun. Mereka dikehendaki berkurung di rumah, selain tidak berpeluang untuk keluar seorang diri, lebih-lebih lagi untuk menunjukkan kehebatan, kreativiti dan citarasa mereka. Mereka akan dikahwinkan pada usia 13 atau 14 tahun setelah tahu memasak, menjahit dan menjaga diri serta melayan orang lain. Pendidikan yang mereka terima rata-ratanya tertumpu kepada kerja yang berkaitan secara langsung dengan peranan mereka sebagai ibu, isteri dan menantu. Mereka terpaksa membuat lebih banyak kerja, termasuk membanting tulang empat kerat bersama-sama suami di bendang dan sawah, selain mengurus rumah tangga, memasak, menjaga anak dan lain-lain, tetapi hanya boleh berehat dan makan setelah seisi keluarganya sudah berehat dan makan. Dalam hal ini, Slatkin (1985) menyimpulkan keadaan itu dengan mengatakan:

There was no room for independent female figures in the public eyes. Women were supposed to be quiet and unassuming. Few men wanted their wives spending time on frivolous endeavors, such as writing, when there was so much housework to be done. Even if a man allowed his wife to practice art, he would have most likely kept her from going public with it. Men who allowed their wives this freedom were assumed to be unable to control their woman, and were often labeled as cuckolds.

Oleh sebab tidak tahu membaca dan menulis, wanita tidak meninggalkan dokumen bertulis tentang penderitaan, penganiayaan, diskriminasi dan sakit yang mereka tanggung. Setelah membaca karya tentang pengurusan diri wanita dan hal-hal biasa yang dilakukan mereka secara turun-temurun, tidak kira yang ditulis orang laki-laki atau wanita, tanggapan umum tentang wanita pada masa silam ialah olah-olah semua wanita mempunyai pengalaman, harapan, jangkaan dan masalah yang sama. Tidak ada "*individualism*" dan juga tidak timbul perbezaan "*sex / culture, work / home, men / women*" (Kelso 1956). Perkembangan itu ada kena mengena dengan kritikan Kelso (1956: 59) seperti yang dipetik di bawah ini:

...suppressing all individuality, fostering both few of offense and complete dependence upon the will of her husband for all her comforts, and contentedness to live with the orbit of the house... nothing must be allowed in the training of her mind that would encourage or enable her to compete on even ground with men.

Akan tetapi, suatu yang luar biasa telah berlaku di Pulau Penyengat pada pinggir abad ke 19 berikutan gerakan pemodenan, defeudalisasi, pembaharuan dan pendemokrasian yang dibawa dari Timur Tengah (Matheson 1989; Ding 1999: 78-81). Peluang pekerjaan kepada wanita Melayu di Riau terbuka

dengan lebih luas berbanding yang ditawarkan di tempat yang lain. Ada yang menjadi bomoh profesional, selain lebih banyak wanita sudah menjadi pengarang, lebih-lebih lagi pengarang ekspresif, yang berani meluahkan perasaan dan memperkatakan apa yang dikehendaki mereka sendiri. Ada dua orang pengarang wanita telah berbuat demikian. Mereka adalah Khatijah Terung dan Raja Aisyah Sulaiman.

Sehubungan itu, perbincangan tentang gender dan seksualiti dalam sastera Melayu boleh juga dibuat dengan merujuk kepada karya mereka yang lahir, membesar dan mengarang di Pulau Penyengat, Riau. Pada pinggir abad ke 19, pulau yang kecil itu sudah muncul sebagai pusat budaya, sastera dan bahasa Melayu yang hebat (Abu Hassan Sham 1979 & 1983; Ding 1999; Hamidy 1985; Matheson 1983, 1985, 1987 & 1989). Kehebatannya sukar ditandingi tempat lain daripada segi bilangan penulis, jumlah karya dan keanekaragaman isi kandungan karya, lebih-lebih lagi nafas pembaharuan yang dibawa beberapa orang penulisnya. Daripada segi jumlah, Hamidy (1985) telah mendokumentasi 137 buah karya daripada kira-kira 70 orang penulis. Perkembangan itu ada kaitan dengan pengaruh dari keluarga bangsawan Raja Ali Haji, selain peranan yang dimainkan Kelab Rusydiah, payung seni dan budaya Riau dari tahun 1895 hingga 1905 (Abu Hassan Sham 1979). Segala-galanya telah berubah mulai awal tahun 1910-an berikutan banyak bangsawan dan penulis Pulau Penyengat melarikan diri ke tempat lain, akibat pergolakan politik antara kerajaan Belanda dengan kerajaan Melayu yang berpusat di pulau itu.

Oleh sebab apa yang diceritakan/ dinyatakan dalam karya itu mempunyai kesan yang konkrit dalam pandangan pembaca, maka *nonsymmetrical male-female binaries* bukan saja menerangkan, tetapi juga telah memperkuat penindasan wanita dalam kehidupan yang sebenar. Sistem sosial itu susah diubah. Untuk mengubahnya, sasterawan perlu berusaha kuat untuk mengkritik struktur sosiolinguistik yang ada di satu pihak, dan mencipta model/ jalan alternatif untuk menulis dan membaca karya yang ada dan yang baru nanti di pihak yang lain. Pada peringkat awal, gerakan dualan itu memberi perhatian khas kepada isu wanita. Dengan meningkatnya bilangan pengarang wanita, seperti yang berlaku di Pulau Penyengat pada pinggir abad yang ke 19, telah muncul banyak pengarang feminis wanita pengarang yang memperjuangkan kebebasan dan hak wanita.

Sementara itu, kerajaan Aceh di Sumatera Utara pernah diperintah empat orang raja perempuan dari tahun 1641 hingga 1699. Demikian juga empat orang raja perempuan telah memerintah di Pattani dari abad ke 15 hingga abad ke 17, selain raja perempuan pernah juga berkuasa di Sukadana, Kelantan, Solor dan Jawa. Pemerintahan raja perempuan di negara Islam tidak dicabar ulama. Sehubungan itu, pemerintahan raja perempuan bukanlah perkara yang luar biasa dalam percaturan politik di dunia Melayu. Dalam *Tajul Salatun*, yang bermaksud cermin atau panduan untuk putera, karya Bukhari al-Jauhari pada 1604, untuk dipersembahkan kepada Aladin Riayat Shah, moyang kepada raja perempuan

Aceh yang pertama (Braginsky 2004), telah diberi sebab wanita tidak wajar menjadi raja atau *public figure*. Tetapi, dalam *Bustan al-Salatin*, Seri Sultan Taj al-Alam Safiyyat al-Din Shah Berdaulat telah digambarkan mempunyai sifat yang sempurna seperti bermurah hati, cantik, bijak, suka ilmu dan bertakwal, sifat-sifat raja yang sempurna (Jelani Harun 1996).

KHATIJAH TERUNG (1885 1955)

Khatijah Terung (Foto 1) masih diingati orang tua di Pulau Penyengat sebagai bomoh. Dia adalah “a public figure” dan kerap diundang ke majlis perkahwinan. Kehadirannya di majlis itu penting tidak sahaja boleh menyerikannya, tetapi juga dapat melindungi raja sehari daripada dikacau orang halus, polong dan hantu, maka majlis itu dapat berjalan dengan lancar. Khatijah menjadi lebih terkenal setelah berkahwin dengan Raja Haji Abdullah bin Raja Hassan, cucu kepada Raja Ali Haji (1809-1872), antara tahun 1908 dan 1911, ketika berusia antara 23 hingga 26 tahun. Perkahwinan itu adalah kali yang kedua baginya kerana dia pernah berkahwin dengan seorang tukang gunting rambut sebelum itu. Perkahwinannya dengan Raja Haji Abdullah telah membuat orang ramai di Pulau Penyengat memberi perhatian lebih kepadanya, sekaligus mengubah kedudukan sosialnya. Tetapi, bagi orang di luar Pulau Penyengat masa kini, Khatijah Terung dikenali sebagai pengarang *Perhimpunan Gunawan bagi Laki-Laki dan Perempuan* yang telah dikarangnya pada tahun Masihi 1911, bersamaan 5 Rejab tahun Hjrah 1329 di Pulau Penyengat.

Sebelum melanjutkan perbincangan, elok dinyatakan sebab-sebab Khatijah Terung dikahwini Raja Haji Abdullah sebagai isteri yang ke empat. Pertama, Raja Haji Abdullah yang juga seorang tabib dan yang pandai dalam ilmu sihir itu ingin mengetahui kehebatan ilmu polong, pengasih, tangkal dan lain-lain yang dipunyai Khatijah. Kedua, Khatijah mempunyai bakat menulis, mengarang, berpantun, bergurindam, bersyair, selain tahu bahasa Arab. Ketiga, Khatijah yang pandai memasak, menekat dan menjahit itu telah mengambil hati Raja Haji Abdullah, yang jauh lebih tua daripadanya. Keempat, hubungan mereka telah berputik sejak Khatijah menjadi orang gaji di rumah Cik Yam, isteri ketiga kepada Raja Haji Abdullah. Setelah kematian Raja Haji Abdullah pada tahun 1926, Khatijah Terung yang pada ketika itu sudah berusia kira-kira 41 tahun itu berkahwin lagi, walaupun perkahwinan kali ini cuma bertahan setahun dua. Walaupun mengajar ilmu kepada orang lain untuk mendapat anak, tetapi Khatijah sendiri tidak dikurniakan anak daripada kesemua perkahwinannya. Ini menepati nasihatnya yang diulangi dalam karyanya:

segala-galanya mesti diberkati dan direstui Tuhan, Allah ... kerana ‘manusia hanya boleh berusaha, tetapi Tuhan yang menentukan’.

Walau bagaimanapun, Khatijah menggambarkan diri dengan kata-kata sedemikian di hujung teks tersebut:

Adapun yang empunya kitab ini seorang hamba Allah ta'ala yang amat lemah bagi miskin, tiada daya dan upaya, senentiasalah di dalam dukacita dan murung, yaitulah hamba yang hina Khatijah Terung...

Dengan mengahwini Raja Haji Abdullah, Khatijah Terung dengan sendirinya memiliki kebebasan untuk memanfaatkan bahan bacaan di perpustakaan milik suaminya sebelum ia terbakar pada malam tujuh likur bulan Ramadhan tahun 1923 (Matheson 1980). Kesempatan membaca dan menelaah kitab tentang ilmu dan petua, termasuk bahan bacaan tentang gender dan seksualiti dari Eropah telah memberi ilham kepada Katijah untuk membukukan ilmu yang diketahuinya. Penulisan petua itu juga dipengaruhi tradisi penulisan pengarang wanita yang lain, lebih-lebih lagi kebebasan dan keberanian yang ditunjukkan Raja Aisyah Sulaiman (Ding 1999) dan juga Raja Kalzum (Wieringa, 1997). Tidak keterlaluan jika dikatakan Katijah juga sudah mengenali pengarang wanita yang lain semasa, termasuk Raja Zaleha, Raja Safiah, Salmah Ambar dan Badariah Muhammad Tahir. Selain itu, mungkin Khatijah Terung telah mendapat galakan daripada suaminya untuk mengarang teks yang diperkatakan ini. Untuk mengetahui kisah hidup Khatijah Terung dengan lebih baik, perlu diketahui serba sedikit kisah hidup Raja Haji Abdullah bin Raja Haji Hassan (- 1926). Terkenal sebagai tabib yang pakar dalam ilmu rohani dan pukau, dia juga termasyur dengan nama timangan: Engku Haji Lah. Perkara lain yang menarik pada Raja Haji Abdullah ialah dia pernah dilantik sebagai hakim *landard* dan kadi syariah. Walaupun jawatan yang pertama itu disandangnya cuma beberapa tahun, tetapi telah membuatnya dikenali sebagai hakim. Setelah dihantar ke negara-negara Arab untuk melanjutkan pelajaran, penguasaannya ke atas bahasa Arab sudah membolehkannya menterjemah dan mengadaptasikan karya-karya sastera Arab ke dalam bahasa Melayu. Dia juga pandai berbahasa Perancis dan Belanda. Pendek kata, dia mempunyai banyak bakat, maka boleh dikatakan seorang yang serba boleh. Walaupun mengarang, melukis, mengukir dan membuat patung adalah perkara biasa bagi hakim dan kadi yang berjiwa seni, tetapi agak kontroversial jika mereka didapati menampal gambar wanita Eropah yang telanjang yang dikerat daripada bahan bacaan dari Eropah, lebih-lebih lagi melukis alat kelamin wanita dalam karyanya. Model wanita bogel dan yang menunjukkan buah dada yang menjadi objek utama seni lukis dan ukir di Eropah sejak zaman Renaissance itu boleh didapati dalam *Cempaka Putih* dan *Pahlawan Ferhad*, dua buah karya lain daripada Raja Haji Abdullah. Sifat kontroversial yang lain pada dirinya ialah dia tidak meninggalkan karya agama atau undang-undang, walaupun pernah menjadi hakim dan kadi, tetapi telah mewariskan kepada kita sembilan buah karya tentang tatabahasa Melayu, karya sastera kreatif terjemahan/ saduran dan juga karya ilmu perubatan.

Teks ini bermula dengan amaran dan nasihat Khatijah Terung: petua ilmu jangan disalahgunakan kerana padah akibatnya. Dalam teks sepanjang 52 halaman itu (Ding 2002) telah dicatatkan sebanyak 53 ilmu (Mukherjee 1997: 36): bagaimana menguatkan tubuh suami, bagaimana membuat suami tertarik kepada isteri, bagaimana membuat jimak yang menyeronokkan, bagaimana membuat suami setia kepada isteri dan bagaimana wanita membuat dirinya cantik dipandang. Pada halaman 23, Khatijah Terung menyatakan ilmu-ilmu itu didapatinya daripada banyak guru, termasuk Wan Mah, dan pada halaman 2 dinyatakan “segala rahsia itu tidak dituliskan di dalam kitab yang amat pendek ini”. Ini bermakna yang dituliskannya itu cuma sedikit daripada yang diketahuinya. Kalau demikian, wajarlah nasihatnya bahawa ilmu itu tidak boleh diamalkan kerana tidak akan

Bil	Ilmu/ Petua/ Cara	Kali	Halaman
1	Memilih haribulan yang baik untuk belayar	1	3
2	Mengetahui hal orang yang belayar jauh	1	3
3	Mengetahui sama ada isteri boleh beranak	1	4
4	Mengetahui sama ada suami mengasihi isterinya atau yang sebaliknya	1	4
5	Ilmu pengasih	8	4, 8, 23, 32, 29
6	Memelihara kasih sayang antara suami isteri	1	8
7	Mendamaikan dua orang yang berbencian	1	6
8	Menahan air mani supaya tidak cepat keluar	1	6
9	Berjimak	8	8, 10, 18, 18, 20, 25, 44
10	Seluruh mengeluarkan anak/ uri	1	7
11	Membuat wanita cantik dipandang	5	1, 3, 18, 20, 44
12	Menundukkan suami	3	14, 22, 27
13	Memanggil suami untuk bersetubuh	3	18, 24
14	Azimat perempuan khianat pada suami	1	
15	Melepaskan diri daripada kepungan musuh	1	24
16	Mendapatkan rezeki dengan mudah	1	25
17	Menyingkap rahsia orang lain	1	26
18	Membuat orang taat kepada kita	1	29
19	Memuja bunga melor	2	31, 41
20	Menjaga bunga perhiasan	1	32
21	Mendindingi diri supaya tidak kena sihir	1	43
22	Menjamu selera pusara puki	1	47
23	Menyeru semangat suami	1	51
24	Menyuburkan tubuh suami	1	51
25	Mengeraskan anggota suami	1	52

berkesan jika tidak diketahui petuannya dengan betul, lebih-lebih lagi jika tidak berguru. Namun demikian, sebahagian besar ilmu dalam petua itu telah disenaraikan dalam rajah yang berikut, mengikut urutannya yang disampaikan:

Walaupun secara keseluruhan teks itu lebih berupa panduan kepada wanita untuk membuat laki-laki atau suami merasa berahi terhadap mereka, tetapi ia bukanlah karya erotika (Mukherjee 1997: 36). Tidak kira apa juga pandangan orang kini terhadapnya, mungkin inilah kali pertama pengarang wanita Melayu pada pinggir abad ke 19 menyatakan secara terus terang apa yang boleh mereka lakukan untuk membuat laki-laki atau suami mereka merasa berahi dan menyayangi mereka. Walaupun teks semacam ini jarang, malahan luar biasa, tetapi tidaklah boleh dikatakan ia adalah satu-satunya dalam sastera Melayu lama, kerana masih banyak lagi manuskrip Melayu belum diketemui dan dikaji. Tanggapan umum sedemikian disebabkan ilmu dan pengetahuan seumpama itu dianggap sulit dan larangan ketika itu. Akan tetapi, Khatijah Terung mengetepikan kesekatlakuan (*inhibition*) itu sehingga berani memperkatakan keinginan, fantasi dan impuls berahi wanita. Keberanian itu mungkin disebabkan galakan daripada suaminya, Raja Haji Abdullah, seorang tokoh yang dihormati dan disegani masyarakatnya. Namun, tidaklah pasti sama ada karya itu dokumen terbuka Khatijah Terung menceritakan pengalamannya sebagai bomoh, sekali gus sebagai isteri dalam mengendalikan soal seksualiti, atau sekadar menyatakan peranan dan kuasa wanita dalam hubungan mereka dengan pasangan mereka. Baginya perkara itu tidaklah menurut "... too domestic, too minor a branch to warrant attention" (Mukherjee 1997: 34).

Yang jelas bagi Katijah ialah soal kebahagiaan dan kerukunan hidup suami isteri terletak juga dalam tangan wanita. Mereka sendiri perlu belajar dan berusaha untuk mendapat apa yang dihajati, kerana kualiti dan keberkesanan ilmu romans bergantung pada kemahiran orang yang mengetahui dan yang mengamalkannya. Dalam hal ini, wanita perlu kreatif dan memainkan peranan utama. Daripada segi itu, teks ini adalah contoh usaha wanita Melayu Riau-Lingga menyuntikkan suara feminis dalam soal seksualiti. Kalau demikianlah yang dihayati Khatijah, maka ia boleh dipandang sebagai satu langkah besar ke arah pencapaian persamaan gender, yang selama ini menguntungkan laki-laki, seperti yang berlaku di Barat, lebih-lebih lagi di Timur, seperti yang dinyatakan Davorkin dan Mac Kinnon (1988), Holder dan Anderson (1989), Rosenberg (1984) dan Spalter dan Hartmann (1992) bahawa banyak keistimewaan telah diberi kepada laki-laki, maka merendahkan status wanita. Daripada tujuannya untuk mendapat kasih sayang daripada suami di satu pihak, dan juga membuat wanita menyayangi suami di satu pihak yang lain, lebih-lebih lagi wanita boleh mempelajari ilmu untuk mengawal dan menundukkan suami, sudah terungkap setidak-tidaknya pada Khatijah Terung bahawa wanita juga mahu mempunyai pendirian diri, selain kepekaan dan suara wanita.

Sehingga kinipun banyak laki-laki dan wanita berdepan dengan isu gender dan seksualiti dengan sikap antara mahu dan malu. Yang bersikap konservatif akan merasa jelek, marah, malahan benci membaca tulisan Khatijah Terung yang boleh dianggap semacam luahan perasaan yang tidak terkawal, memandangkan kedua-dua isu itu dianggap sebagai yang sulit. Mereka yang tidak mahu pula

adalah kerana banyak hukum perlu dipatuhi, selain keberkesannya ditentukan kuasa Tuhan. Tetapi, pada Khatijah, wanita juga perlu memainkan peranan utama dalam memulakan dan mengekalkan kebahagiaan hidup mereka. Sehubungan itu, dia telah menunjukkan lebih daripada 20 cara untuk mencapai keseronokan dan kasih sayang yang diinginkan dalam persetubuhan. Mesej yang tersirat ialah persetubuhan bukanlah perbuatan fizikal yang dikuasai laki-laki, tetapi juga perlu dimulakan wanita. Jika tidak, ketidaksamaan sosial dan gender antara laki-laki dan wanita akan berterusan seperti yang dinyatakan wanita Barat abad ke 21 seperti Rosenberg (1994) misalnya. Tetapi, pada hakikatnya, perbezaan gender juga telah menyebabkan wanita tidak mempunyai sifat dan kualiti yang dipandang tinggi yang ada pada laki-laki yang selalu digambarkan sebagai yang merdeka, aktif, kompetitif dan yakin. Sebaliknya, wanita dikehendaki bersikap lemah lembut, submisif, bersimpati, memahami, penyayang dan bertolak ansur. Tetapi, sifat-sifat “mulia” wanita itu secara paradoknya telah dipandang sebagai “kelemahan” diri mereka. Dalam jurnal *Signs* dan *Psychology of Women Quarterly*, misalnya, terdapat banyak sekali rencana yang memperkatakan sistem patriarki yang telah sedikit sebanyak menyumbangkan kepada kehambaan (*fridigity*) ke atas wanita.

Walaupun dijudulkan sebagai gunawan, atau panduan ataupun petua tentang ilmu pengasih, teks ini boleh juga ditafsir sebagai wanita mencari makna kemesraan dan kebahagiaan sebagai isteri dalam masyarakat yang mengamalkan poligami. Setiap isteri mahu suaminya sentiasa berada di sampingnya. Tetapi, kehendak itu sukar dipenuhi suaminya yang sibuk sebagai kadi, hakim, selain perlu belayar ke tempat yang jauh dan mengarang dari masa ke masa. Dia mungkin cemburu terhadap isteri yang lain kepada suaminya. Masalahnya, dia tidak boleh marah dan membantah terhadap suaminya atau isterinya yang lain. Yang boleh dilakukannya sekadar mengarang apa yang dia rasa boleh dilakukan untuk menundukkan suaminya dan membuatnya berahi terhadapnya, selain membuat dirinya cantik dipandang. Di sini, ternyata bahawa mengarang adalah cara yang paling mudah dan selamat untuk wanita menyampaikan hajat dan hasrat yang terbuku di hatinya, tanpa melibatkan orang lain, lebih-lebih lagi berkonfrontasi dengan orang lain. Itulah juga yang dilakukan Virginia Woolf dalam *A Room of Her Own*. Seperti pengarang wanita yang lain, menulis telah juga memberi ruang kepada Khatijah Terung untuk menyatakan perasaannya dan menyuarakan keinginannya. Sudah disebut sebelum ini bahawa dia menggambarkan diri sebagai “sentiasa di dalam dukacita dan murung”. Perasaan itu mungkin juga disebabkan dia amat kesunyian, kerana selalu ditinggalkan suaminya, lebih-lebih kerana dia ditakuti orang lain kerana ilmu bomohnya dan juga dia tidak mempunyai anak. Justeru itu, dia mengisi masa dengan mengarang *Himpunan Gunawan* untuk meluahkan apa yang dirasai dan diinginkanya, selain menyampaikan ilmu.

Dengan mengarang apa yang dikehendakinya, Khatijah Terung telah menjadi pengarang wanita Melayu ekspresif, dan secara langsung telah menempatkan

dirinya dalam suatu ruang yang tersendiri dalam kesusasteraan Melayu Riau, maka berbeza dengan pengarang laki-laki dan wanita, termasuk Raja Ali Haji yang mengarang *Syair Kitab al-Nikah*. Oleh itu, *Himpunan Gunawan* akan tetap menarik perhatian kita, walaupun sudah banyak buku dan rencana tentang magik, perbomohan, perdukunan, perbintangan, petua dan ilmu pengasih telah ditulis Winstedt (1925 & 1951), Gimlette (1920, 1929 & 1939), Endicot (1970), Shaw (1971a & 1971b), Abdus (1997) dan Skeat (1965) kerana teks itu dikarang wanita dan ditujukan kepada wanita. Pada Khatijah, tidak timbul soal dilema ilmu dan pengetahuan sulit atau terbuka dalam menjaga kebahagiaan hidup suami isteri. Dia tidak merasa malu berkongsikan soal nafsu berahi dan seks yang diketahuinya dan yang dipelajarinya, kerana dia memahami keperluan seks laki-laki dan wanita. Keberaniannya itu adalah juga hasil pembentukan persekitaran sosial ketika itu: interaksi antara sifat-sifat feminis yang ada pada dirinya dengan pengarang feminis seperti Raja Aisyah Sulaiman, lebih-lebih lagi kerana pengaruh dan galakan Raja Haji Abdullah. Kesemua itu disebabkan pada asasnya gerakan pembaharuan yang merupai feminis itu adalah sebagai gerakan hak awam (Eisenstein 1984), satu gerakan ke arah mencapai persamaan gender dan hak-haknya. Merenung ke dalam sejarah, gerakan ke arah penghapusan diskriminasi dan penindasan gender itu juga bersifat sosio-politik, dan didapati telah berlaku di dunia Melayu sejak abad ke 19 kerana pengaruh pembaharuan dari negara Timur Tengah dan juga pengaruh pembaratan ekoran penjajahan kuasa barat di Indonesia dan Malaysia ketika itu. Sehubungan itu, boleh dikatakan bahawa tanpa gerakan pembebasan dan pembaharuan yang juga telah mula berlaku di Pulau Penyengat masa itu, tidak mungkin akan lahir pengarang seperti Khatijah Terung dengan karya yang dihasilkannya ini. Demikian juga, tanpa segala faktor sosial *push* dan *pull* itu, memang sukar untuk Khatijah Terung menunjukkan keberaniannya, kerana memang tidak mudah untuk wanita untuk berbuat demikian. Oleh sebab Khatijah Terung adalah satu-satunya pengarang wanita Melayu yang berani dan berterus terang menulis perkara yang pada amnya berusaha dielakkan pengarang yang lain, tidaklah keterlaluan jika dikatakan dia adalah pengarang wanita yang luar biasa.

RAJA SYAH SULAIMAN (1870? 1925?)

Pengarang wanita Riau lain yang wajar diberi perhatian tentang isu gender dan seksualiti Melayu ialah Raja Syah Sulaiman, 1870? 1925? (Foto 2). Sehingga kini, tidak banyak diketahui tentang Raja Aisyah Sulaiman ibn Raja Ali Haji, selain yang telah dibayangkan dalam karya-karyanya (Ding 1999). Lahir dalam kompleks istana di Pulau Penyengat sekitar tahun 1870an, Aisyah hidup tenang dan diasuh dengan sempurna, mungkin laksana watak Badrul Muin dalam *Hikayat Syamsul Anuar* (1890/91), sebuah karya *fictional autobiography* (Ding 1995). Sementara itu, serba sedikit kisahnya semasa kecil, seperti dijaga

datuknya, sehingga dikahwinkan telah dirakamkannya dalam *Syair Khadamuddin* cuma berdasarkan yang sempat dibina kembali berdasarkan maklumat dari Raja Hamzah Yunus dan Raja Rahim Mansor di Pulau Penyengat (Ding 1999: 91). Dia dipercayai telah mula mengarang sejak usia belasan tahun dan terus mengarang selepas kematian suaminya. Setelah kahwin, dia tidak merasa tenang kerana inginkan kebebasan yang tidak diberi kepada perempuan dalam masyarakat feodal. Namun, tragedi yang paling besar menimpanya serta keluarga bangsawan yang lain di Pulau Penyengat ialah penyingkiran Sultan Abdul Rahman pada tahun 1911, akibat krisis politik antara kerajaan Belanda dengan kerajaan Melayu. Pada Februari 1911, Raja Aisyah dibawa Raja Khalid Hitam, suaminya, melarikan diri ke Singapura. Pada 1913, Raja Aisyah mengikuti rombongan Raja Khalid Hitam pergi ke Jepun untuk meminta bantuan kerajaan Jepun untuk mengusir Belanda dari Riau. Fotonya di Lampiran B adalah yang diambil mereka semasa di Jepun. Beberapa bulan kemudian, dia kembali ke Singapura dan suaminya meninggal dunia di Tokyo pada 11 Mac 1914. Sejak menjadi balu, dia mengharungi banyak krisis, akibat gangguan laki-laki yang ingin mengahwininya. Dia menolak percubaan itu dengan berpura-pura sakit dan menghimpunkan perempuan yang lain untuk makan, tidur dan berbincang di rumahnya. Sehubungan itu, *Syair Khadamuddin* adalah saluran Raja Aisyah menyampaikan perasaan dan reaksinya tentang kesusahan fizikal, penderitaan mental dan tekanan psikologi, selain jeritan batin dan protes daripada dalam hatinya, kerana keseorangan, kerana tidak mempunyai anak.

Raja Aisyah mengarang *Hikayat Shamsul Anuar* dan *Syair Khadamuddin* bukan sekadar untuk menceritakan apa yang berlaku di sekitarnya, tetapi juga apa yang diinginkannya: mencari kepuasan diri. Dengan menyatakan pendiriannya, perasaannya, reaksinya, harapannya dan keinginannya, Raja Aisyah sudah menjadi pengarang ekspresif, memupuk realisma dan individualisima. Tetapi, oleh sebab kebebasan peribadi tidak mungkin tercapai dalam hidup nyata, dia campurkan cerita sebenar dengan khayalan sebagai pilihan alternatif. Dengan itu, terbukalah satu ruang yang tidak terhingga besarnya kepadanya untuk menulis apa yang ingin disampaikan. Gabungan kisah hidup sebenar dengan khayalan seperti yang ditunjukkan dalam *Hikayat Syamsul Anuar* dan *Syair Khadamuddin* itu telah disifatkan sebagai *fictional autobiography* (Ding 1995). Kisah hidup dan perwatakannya sendiri yang dinyatakan dalam kedua-dua teks itu bukanlah transkripsi kisah hidup dan watak diri pengarang secara langsung, tetapi sudah dikarang semula menurut wacana feminis, lebih-lebih lagi menurut imej wanita jenis baharu dalam tanggapan Raja Aisyah. Dalam hal ini, Raja Aisyah kontekstualisasikan dirinya tertakluk kepada wacana bahasa dan konvensi sastera Melayu semasa. Dengan kata lain, kedua-dua teks itu adalah perlambangan diri Raja Aisyah, lahir daripada reaksinya kepada perkara yang bukan sahaja tidak disukainya, tetapi juga ingin digantikan dengan yang lain, kalau boleh. Dalam penceritaan itu, unsur cereka adalah penting, kerana sudah dijadikannya tapak berpijak untuk mengungkapkan diri, sekali gus menjadikan karya-karya



FOTO 1. Khatijah Terung



FOTO 2. Raja Aisyah Sulaiman

tersebut semacam rakaman pengakuan dan kritikan sosial. Dari segi gender, watak Shamsul Anuar dalam *Hikayat Syamsul Anuar* tidak mempunyai sifat kejantanan; sebaliknya, Badrul Muin, watak perempuan, ditonjolkan sebagai wira yang tidak mahu tunduk kepada tekanan.

PENUTUP

Walaupun bersifat sejagat, isu gender dan seksualiti berbeza-beza dari sebuah masyarakat ke sebuah masyarakat yang lain. Perbezaan itu disebabkan kedua-dua isu itu adalah juga hasil pembentukan banyak faktor: sejarah, budaya, masyarakat, agama, antara yang lain. Tidak kira apa juga perbezaan itu, terdapat banyak halangan ke atas kebebasan dan pergerakan wanita dalam masyarakat feudal. Halangan-halangan itu menjejaskan hubungan gender dan seksualiti antara wanita dengan laki-laki dalam masyarakat yang berkenaan, lebih-lebih lagi mengurangkan kemerdekaan wanita dari segi emosi, ekonomi dan saluran untuk menyatakan diri. Kesemua itu juga disebabkan laki-laki dan wanita dalam masyarakat itu telah diberi tempat yang berbeza-beza, maka dikehendaki memainkan peranan yang berlainan, dengan satu di atas dan yang satu lagi itu di bawah. *Sexual double-standard* itu kentara, kerana memang diamalkan dengan laki-laki dibenarkan menunjukkan mereka sebagai *sexually active*, manakala wanita pula tidak. Sebaliknya, wanita dituntut supaya “present themselves as behaving consistently with gender stereotypes, even if those presentations are deceptive” (Slatkin 1985). Lanjutannya, wanita terpaksa menghadapi banyak prasangka daripada laki-laki dari segi hubungan mereka. Wanita dikongkong dan dikawal kaum laki-laki sehinggakan tidak mempunyai wajah terbuka (*public faces*). “Peraturan” itu diterima banyak wanita yang lain, maka dianggap perkara yang biasa, dengan mereka itu hidup dengan kepala mereka tertunduk, diam dan menyerah sehingga keadaan sosial-budaya telah berubah dengan lahirnya wanita seperti Kartini di Jawa dan Raja Aisyah di Pulau Penyengat pada pinggir abad ke 19. Raja Aisyah, antara wanita yang berjiwa pejuang kebebasan wanita itu, tidak mahu tunduk kepada tekanan sosial, maka telah mempotretkan diri sebagai wanita yang dinamik, aktif, progresif, individualistik dan ekspresif. Keberanian Khatijah Terung dalam memperkatakan perkara yang dianggap sulit adalah juga kerana galakan dari suaminya, selain terpengaruh dengan bahan bacaan dari Eropah dan juga suasana pembaharuan yang berlaku. Yang penting pada Khatijah Terung dan Raja Aisyah Sulaiman ialah mereka telah cuba menonjolkan diri sebagai wanita yang mempunyai keperibadian sendiri. Berdasarkan perkahwinannya sebanyak tiga kali, Khatijah Terung telah mempotretkan dirinya sebagai *sexually active* dan berani menonjolkan diri bersikap yang disebut sebagai “a more egalitarian sexual attitudes” (Kelso 1956). Pendek kata, Khatijah Terung dan Raja Aisyah telah mempotretkan diri masing-masing berbeza daripada wanita yang lain yang rata-ratanya disebut Slatkin (1985) sebagai “present themselves as behaving consistently with gender stereotypes,

even if those presentations are deceptive”.

Penulisan karya yang dibincangkan itu ada kena mengena dengan gerakan pemodenan dari Timur Tengah, setelah beberapa orang bangsawan dari Pulau Penyangat dihantar ke negara-negara itu untuk melanjutkan pelajaran. Antara mereka itu ialah Raja Haji Abdullah dan juga Syed Sheikh al-Hadi. Gerakan pemodenan itu telah sedikit sebanyak melonggarkan ikatan ke atas wanita Melayu di Riau. Sebahagian pembaharuan itu boleh juga dilihat pada Khatijah Terung dan Raja Aisyah Sulaiman dari segi mereka sudah berani meluahkan kehendak, bantahan, perasaan sendiri, iaitu mula menunjukkan keindividualan. Kalau Raja Aisyah sudah berani menyatakan perasaannya tentang perbezaan gender, maka Khatijah Terung pula tentang seksualiti yang sebelum itu disembunyikan sebagai hal sulit individu, dan tidak boleh ditunjukkan secara terbuka. Keistimewaan mereka itu juga tidak terdapat pada pengarang wanita Riau yang lain yang didapati masih mengarang hal-hal yang bersifat preskriptif dan didaktik dan bukannya idealistik daripada perspektif mereka sendiri. Pendek kata, pembentukan perwatakan Khatijah Terung dan Raja Aisyah itu ada kena mengena dengan pemodenan yang dibawa dari Timur Tengah, maka telah membuat mereka melangkah setapak ke depan, berbanding dengan wanita Melayu yang lain di Riau. Pada Khatijah dan Raja Aisyah, pemodenan yang dibawa dari Timur Tengah itu telah membuka “persamaan gender yang lebih besar” (Slatkin 1985). Di sini, ada sedikit persamaan antara yang berlaku di zaman Renaissance di Eropah (sejak awal abad 14 Masihi hingga hujung abad ke 16 Masihi) dengan era pasca-Raja Ali Haji di Riau. Walaupun pada dasarnya gerakan Renaissance di Eropah itu adalah kelahiran semula (*rebirth*) segala yang gilang-gemilang dari zaman Yunani dan Rom purba, tetapi hasilnya ialah “the intellectual focus shifted from theology to the development and experience of the individuals” (Grolier 1993: 30) dengan falsafah humanisma yang menjadi gerakan intelek yang utama. Dari segi itu, gerakan pemodenan di Riau pada ketika itu juga telah memberi penekanan kepada pembangunan individu, lebih-lebih lagi wanita sebagai individu yang lebih bebas menyatakan diri. Pembebasan itu telah mengubah pandangan wanita dan juga laki-laki terhadap wanita. Sedikit demi sedikit, kesedaran wanita tentang diri mereka telah meningkat. Mereka ingin membina perwatakan mereka yang tersendiri, maka mudah dikenali, seperti yang telah ditunjukkan Raja Aisyah. Kesemua itu adalah juga beberapa unsur yang ditekankan individualisma dalam pendekatan Humanisma. Ini boleh dilihat pada diri mereka walaupun dikahwinkan dan juga dijangka mempunyai anak, tetapi pengalaman mereka berbeza dengan wanita Melayu yang lain. Sebagai wanita bangsawan yang juga berkahwin dengan lelaki bangsawan, Raja Aisyah mempunyai pengalaman yang berbeza daripada yang lain kerana tidak mempunyai anak, maka mempunyai lebih banyak masa untuk membuat kerja sendiri, termasuk berfikir, membaca dan menulis. Yang lebih menarik ialah mereka telah memperkatakan isu gender dan seksualiti sama ada secara terbuka atau simbolik untuk pertama kali. Dengan memperkatakan soal cinta, gender, seksualiti dan

identiti, mereka bukan sahaja telah meninjau isu-isu tersebut daripada perspektif wanita, tetapi juga membuat isu-isu itu dapat diperkatakan dengan lebih bebas serta melibatkan lebih banyak orang. Dengan berbuat demikian, mereka telah mulakan suatu yang baru.

Sejajar dengan konteks di atas, Raja Aisyah dan Khatijah Terung tidak dapat dianggap sebagai *stepping out of history*, atau *lonely mirror*. Tidak timbul masalah pandangan kedua-dua pengarang wanita Riau itu tidak diterima, diakui pengarang laki-laki di Riau dan tempat-tempat lain. *Hikayat Syamsul Anuar*, penuh dengan tema “*sexual deviancy, gender ambiguities*”. Karya yang menunjukkan watak wanita mempunyai keunikan seks, sudah disalin di Singapura, Johor Baru, Alor Star dan Kuala Terengganu sehingga tahun 1917 (Ding 1999).

Tidak kira apa juga tafsiran pembaca terhadap karya-karya mereka, segala-gala yang berlaku itu menandakan kepelbagaian dan keampuhan (*vitality*) kesarjanaan feminis di dunia Melayu, malahan telah menembusi dunia yang dikuasai laki-laki. Karya-karyanya telah mendapat sambutan hebat sampaikan *Hikayat Shamsul Anwar* disalin di banyak tempat, dan *Syair Khadamudin* diterbitkan pada 1924. Kesemua karya itu adalah juga dokumentari sosial tentang pembebasan wanita Melayu di Riau. Walau pun mengisahkan kehidupan peribadi pengarangnya, teks-teks itu juga secara tidak langsung memberi sedikit cahaya dalam menerangkan kehidupan rakyat biasa. Ia mengisahkan sedikit perubahan sosial yang berlaku. Perubahan itu bersifat representif tentang semangat pemodenan yang berlaku. Dalam konteks itulah, Raja Haji Ahmad bin Raja Hassan mengarang *Perkahwinan Raja Muhammad Yusuf dengan Raja Zaleha* untuk mengabadikan perkahwinan anak cucunya, Raja Muhamad Yusuf dengan Raja Zaleha di Kampung Datuk di Pulau Penyengat pada Disember 1926. Yang menarik ialah perkahwinan atas dasar “suka sama suka” itu telah mendahului langkah masyarakat Minang di Sumatra, dalam erti kata ibu bapa di Sumatra bercampur tangan, malahan memaksa anak mereka berkahwin dengan orang yang mereka tentukan, kerana hutang dan lain-lain, sebagaimana yang dimanifestasikan dalam *Azab dan Sengsara* (1921) karya Merari Siregar (1896 1940) dan *Siti Nurbaya* (1922) oleh Marah Rusli (1889 1968). Dari isi kandungan, teks ini bukan tentang kahwin paksa, tetapi perkahwinan yang mengutamakan hubungan teman, berasaskan kemesraan, persamaan dan fleksibiliti kedua-dua belah pihak. Ini bermakna masyarakat Riau sudah memberi kebebasan kepada orang muda memilih jodoh masing-masing. Matlamat muktamad dan nilai yang mendasari perkahwinan ialah peningkatan kepuasan kedua-dua pihak sepanjang hayat mereka. Penekanan di sini ialah pembangunan hubungan suami isteri sehingga mereka dapat menerima kasih sayang pihak yang lain tanpa syarat: menerima dan memberi kasih sayang antara satu dengan yang lain, menghargai keistimewaan dan juga menerima kelemahan pihak yang lain, lebih-lebih lagi memandang pihak yang lain itu sebagai teman yang mempunyai status yang

sama dalam hubungan perkahwinan.

RUJUKAN

- Abdus Salam Baly Wahid. 1997. *Sihir dan Guna-Guna: Cara Mencegah dan Merawatnya Menurut Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmi.
- Abu Bakar Hamzah. 1991. *Al-Imam: its Role in Malay Society*. Kuala Lumpur: Pustaka Melayu.
- Abu Hassan Sham. 1979. Kelab Rusydiah: sebuah perkumpulan cendekiawan Melayu Riau. *Dewan Masyarakat* 17 (6): 36-38.
- _____. 1983. Karya-Karya yang Berunsur Agama dan Pengarang Melayu-Riau Sehingga Awal Abad yang ke 20. *Dewan Sastera* Disember 20-30
- Ahmad Lathiff & Md Firdaus. 1994. Madu Lebah Penawar Penyakit Whir & Basin (Al-Quran sebagai Penawar). Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Annandale, Nelson. 1903. *Religion and Magic in Fasciculi Malayness*. Liverpool: Longmans, Green & Co.
- Azahari Ibrahim. 1994. *Ubat-Ubatan Tradisional Melayu: Doa-Doa Penawar Penyakit, Rahsia, Kebaikan, Surah al Fatimah*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Barnard, Timothy P. 1994. Taman Penghiburan: Entertainment and the Riau Elite in the Late 19th Century. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 67 (2): 17-46.
- Braginsky, V. I. 2004. The Queen Who Loves Her King, or the Hikayat of Maharajas: a Reconsideration. *Tenggara* 47/48:80-92.
- Boven, John R. 1993. Return to Sender: a Muslim Discourse of Sorcery in a Relatively Egalitarian Society - the Gayo of Northern Sumatra: 179 - 190. IN *Understanding Witchcraft and Sorcery in Southeast Asia*. Edited by C. W. Watson and Roy Ellen. Honolulu: University of Hawaii Press.
- Davorkin, A & MacKinnon, C. A. 1988. *Pornography & Civil Rights: a New Day for Women's Equality*. Minneapolis: Organizing Against Pornography.
- Dhofier, Zamakhasyari. 1980. Kinship and Marriage Among the Javanese Kyai. *Indonesia* 29 (April): 47-58.
- Ding Choo Ming. 1995. Hikayat Syamsul Anuar as Fictional Autobiography of a Nineteenth Century Malay Woman Writer. *Tenggara* 34: 64-74.
- _____. 1996. Memperkenalkan Manuskrip *Kutipan Mutiara*, karya Muhammad Adnan Haji Abdullah. *Jurnal Filologi* 5: 35-66.
- _____. 1999. *Raja Aisyah Sulaiman: Pengarang Agung Wanita Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- _____. 2002. Khatijah Terung dengan karya: Perhimpunan Gunawan Bagi Laki-laki dan Perempuan (Bahagian I). *Jurnal Filologi Melayu* 10: 19-54.
- Duff-Cooper, Andrew. 1991. Reflections on a Dissident Balinese Marriage. *Indonesia Circle* 55 (June): 17-33.
- Eisenstein, Z. R. 1984. *Feminism and Sexual Equality: Crisis in Liberal America*. New York: Monthly Review Press.
- Endicott, K. M. 1970. *An Anaylsys of Magic Magic*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Foucault, Michel. 1978. *The History of Sexuality*. New York: Vintage.
- _____. 1979. What is an Author: 141- 160. IN Josue V Harari (ed). *Textual*

- Strategies: Perspectives in Post-Structuralist Criticism*. Ithaca: Cornell University Press
- Gimlette, John D. 1920. A Curious Kelantan Charm. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society* 82 :116-118.
- _____. 1929. *Malay Poisons and Charm Cures*. London: J & A. Churchill..
- _____. 1939. *A dictionary of Malayan medicine*. London: Oxford University Press.
- Grolier Encyclopedia of Knowledge*. 1993. Renaissance. Vol. 16. Danburg (Conn): Grolier Incorporated.
- Hadijah Rahmat. 2001. *In Search of Modernity: A Study of the Concepts of Literature, Authorship and Notions of Self in Traditional Malay Literature*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Hamidy, U. U. 1985. *Naskah Melayu Kuno: Daerah Riau*. Pekanbaru: [Tanpa penerbit], 3 jilid.
- Harun Mat Piah [et al] 2000. *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Holder, D. P. & Anderson C. M. 1989. Women, Work and the Family: 357 - 389. Dlm M. McGoldrick, C. M. Anderson & F. Walsah (eds). *Women and Families*. New York: Norton.
- Ibnu Yusuf. 1992. *Permata yang hilang: seni nafkah batin*. Kota Baru: Add Sell.
- Jelani Harun. 1996. Sifat-Sifat Perempuan Menurut Syekh Nuruddin al-Raniri dalam Kitab Bustanus Salatin. *Dewan Sastra* 26 (10): 33-39.
- Jones, R. 1983. *Hikayat Sultan Ibrahim: The Short Version of the Malay Text*. Foris: Dordrecht.
- Katalog Naskah dan Bahan-Bahan Lama*. Pulau Penyengat: Yayasan Indera Sakti, 1983.
- Kelso. Ruth. 1956. *Doctrine for the Lady of the Renaissance*. Urbana: University of Illinois Press.
- Matheson, Virginia. 1980. Sovereigns and Scribes: Life as Reflected in Some of the Literature of the Malays. Dlm James J. Fox (ed) *Indonesia: the Making of a Nation*. Canberra: Research School of Pacific Studies, The Australian National University.
- _____. 1983. Questions Arising from a Nineteenth Century Riau Syair." *Review of Malaysian-Indonesian Studies in Australia* 17: 1-16.
- _____. 1985. Kisah Pelayaran ke Riau: Journey to Riau. *Indonesia Circle* 36 (March): : 3-22.
- _____. 1987. *Suasana Budaya Riau Dalam Abad yang ke 19: Latar Belakang dan Pengaruh*: 103 - 125. Dlm *Tradisi Johor-Riau: Kertaskerja Hari Sastra 1983*. Editor: Zahara Ibrahim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 1989. Pulau Penyengat: Nineteenth Century Islamic Center of Riau. *Archipel* 37: 153-172.
- Mukherjee, Wendy. 1997. The Love Magic of Khadijah Terong of Pulau Penyengat. *Review of Malaysian-Indonesian Studies in Australia* 31:2 (December): 29-46.
- Mulaika Hijas. 2004. Women Rajas in Two Classical Malay Texts: the Bustan al-Salatin and the Taj al-Salatin. *Tenggara* 47/48: 39-48.
- Peringatan*. Disusun Raja Mohammad Yunus. Singapura: Al-Ahmadiyah Press, no. 1,

- Tahun 1 (1939) -
- Pollock, Griselda. 1996. Women and Art History. Dlm. *The Dictionary of Art.*: 307-316. London: MacMillan.
- Raja Muhamad Yunus Ahmad. 1939. *Peringatan* 1:1 Singapore: Al-Ahmadiyah Press.
- Rosenberg, R. 1984. Leta Hollingworth: Toward a Sexless Intelligence: 77 - 90. IN M. Lwein (ed) *In the Shadow of the Past: Psychology Portrays the Sexes*. New York: Columbia University Press.
- Spalter-Roth, R & Hartmann, H. 1992. *Raising Women's Earnings: the Family Issue of the 1990s*. IN J. Greenberg & W Kistler (eds). *Buying America Back, Economic Choices for the 1990s*. Tulsa (O. K.): Council Oak Books.
- Shaw, William. 1971a. Invulnerability. *Federation Museums Journal* 16: 1-28.
- _____. 1971b. Mining Superstitions, Magic and Taboos. *Federation Museums Journal* 16: 29 - 52.
- Skeat, Walter William. 1965. *Malay Magic*. London: Macmillan..
- Slatkin, Wendy. 1985. *Women Artists in History*. Englewood Cliffs: Prentice-Hill.
- Stoller, Ann Laura. 1995. *Race and the Education of Desire: Foucault's History of Sexuality and Colonial Order of Things*. Durham: Duke University Press.
- Sudjiman, Panuti Hadimurti Mohamad. 1981. *Adat Raja-Raja Melayu: a Critical Edition Together with a Commentary on Court Ceremonies Described*. Jakarta: Universitas Indonesia Press.
- Syed Zulflida. Perkahwinan dan Sexualiti di dalam Sejarah Melayu. *Jurnal Budaya Melayu* 2:1 (t thn): 61-82.
- Teuku Iskandar Alibasyah. 1995. *Kesusasteraan Klasik Melayu Sepanjang Abad*. Brunei: Jabatan Kesusasteraan Melayu, Universiti Brunei Darussalam.
- Wieringa, Edwin P. 1997. Female Emancipation or Literary Convention? - the Theme of the Woman who Set out to Free her Husband in the Malay Syair Saudagar Bodoh (ca. 1861) by Raja Kalzum. *Review of Malaysian-Indonesian Studies in Australia* 32(2): 11-28.
- Winstedt, R. O. 1925. *Shman, Saiva and Sufi: a Study of the Evolution of Malay Magic*. London: Constable & Co..
- _____. 1951. *The Malay Magician: Being Shaman, Saiva and Sufi*. London: Routledge.